



Universiti Malaysia
KELANTAN

BULETIN

TERANGJU

ISSN 1985 - 5451

www.umk.edu.my

BIL. 18 JANUARI - APRIL 2013



AMANAT TAHUN BARU 2013

Muka Surat 3

ISSN 1985-5451



9 771985 545008

Pengurusan UMK

- Naib Canselor
PROF. DATUK DR. RADUAN BIN HJ. CHE ROSE
- Timbalan Naib Canselor
PROF. DR. ROSELINA BINTI AHMAD SAUFI
 (Akademik dan Antarabangsa)
- Timbalan Naib Canselor
PROF. MADYA ABDUL AZIZ BIN AB LATIF
 (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
- Timbalan Naib Canselor
PROF. DR. MOHAMAD KAMAL BIN HJ. HARON
 (Penyelidikan dan Inovasi)
- Pendaftar
PROF. DR. RAZLI BIN CHE RAZAK
- Pengarah
PROF. DR. IBRAHIM BIN CHE OMAR
 UMK Kampus Jeli
- Penasihat Undang-Undang
PROF. DATUK ABDUL HALIM BIN SIDEK
- Ketua Pustakawan
EN. AZMAN BIN HASHIM
- Pemangku Bendahari
EN. MOHD YUSRI BIN AWANG

Editorial

- Ketua Editor
PROF. DR. NIK MAHERAN BINTI NIK MUHAMMAD
- Editor
TUAN ZULKIPELI BIN TUAN YEH
- Penolong Editor
NORMALA OTHMAN
- Wartawan
MOHAMAD NAIM BIN IDRIS
SYARIMIE BIN WOSLEY
- Pelajar Pelatih
SITI NOR AISHAH BINTI MUHAMAD
- Fotografi
MOHD AL AZAM BIN MAT RAZI
MOHD HAFRIEZ AINAN BIN IBRAHIM
- Peraka
YUSROYKA BIN KARIM
ELYANI BINTI ZAMRI

Editor Bersekutu

- Dekan Fakulti Keusahawanan dan Pemajaan
PROF. DR. MOHAMED DAHLAN BIN IBRAHIM
- Dekan Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
PROF. DR. ABU HASSAN BIN HASBULLAH
- Dekan Fakulti Industri Asas Tani
DR. AHMAD ANWAR BIN MOHAMED ISMAIL
- Dekan Fakulti Sains Bumi
PROF. DR. RAZAK BIN WAHAB
- Dekan Fakulti Perubatan Veterinar
DR. MOHD. AZAM KHAN BIN GORIMAN KHAN
- Dekan Pusat Pengajian Siswazah
PROF. DR. SAZALI BIN ABD. WAHAB
- Pengarah Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah
PROF. DR. FAROK BIN ZAKARIA

Diterbitkan Oleh

Pusat Hal Ehwal Korporat
 Universiti Malaysia Kelantan
 Kampus Kota, Karung Berkunci 36,
 Pengkalan Chepa, 16100 Kota Bharu,
 Kelantan, MALAYSIA

E-mel: korporat@umk.edu.my
 Tel: 09-771 7000
 Faks: 09-771 7022

www.umk.edu.my
 corporate.umk.edu.my

Assalamualaikum WBT, salam sejahtera, salam 1UMK.

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah SWT kerana dengan limpah dan Izin-Nya, Majalah Teraju Edisi pertama bagi tahun 2013 ini dapat diterbitkan. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada semua Ahli Jawatankuasa Penerbitan yang telah bertungkus-lumus dan berjaya menyiapkan edisi Majalah Teraju pada kali ini. Sekalung penghargaan juga diucapkan kepada semua pihak yang telah memberi *input*, sokongan dan kerjasama samada secara langsung dan tidak langsung dalam edisi ini. Saya percaya antara faktor kejayaan ini adalah kerana kerjasama dan usaha cemerlang semua pihak dalam menghasilkan penulisan yang informatif dan bersifat akademik sebagai santapan minda untuk semua.

Saya ingin mengimbas kembali pada bulan April 2012, dalam perutusan saya, saya telah menggesa semua staf UMK untuk mula mengamalkan budaya kerja berprestasi tinggi dalam usaha untuk meningkatkan mutu perkhidmatan, kualiti pekerjaan dan komitmen dalam menjalankan tugas harian mereka. Pada hari ini, setelah setahun berlalu, saya bangga melihat perubahan demi perubahan telah berlaku dan semua penambahbaikan yang telah dibuat dalam menjurus ke arah meningkatkan lagi prestasi sistem pengurusan dan pentadbiran di universiti ini. Budaya kerja sebegini dan usaha penambahbaikan perlu dilakukan secara berterusan supaya ia dapat menjadi satu contoh budaya kerja yang boleh diikuti oleh generasi akan datang.

Sehubungan itu, tema yang diketengahkan pada perutusan saya awal tahun ini adalah merupakan kesinambungan daripada tema yang lalu iaitu "Membudaya Kecemerlangan Keusahawanan". Budaya ini selari dengan hasrat dan objektif UMK dalam usaha menjadikan universiti ini sebagai sebuah universiti keusahawanan yang terunggul di dunia. Sebagaimana yang kita ketahui bahawa UMK masih dalam era transformasi yang melibatkan pembangunan prasarana, perubahan struktur pentadbiran, perubahan strategi dan pembudayaan kerja. Semua ini direncanakan untuk menjadikan universiti ini sebagai sebuah universiti berfokus dan mampu bersaing dengan institusi pengajian tinggi (IPT) lain terutamanya dalam bidang pendidikan keusahawanan. Justeru, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru kepada semua staf UMK supaya bersama-sama memainkan peranan dan menggalas tanggungjawab bagi merealisasikan impian ini.

Antara inisiatif yang telah dilaksanakan bagi mencapai objektif ini adalah mengadakan kerjasama strategik dengan IPT lain yang sudahpun diiktiraf sebagai IPT yang berfokuskan keusahawanan terbaik dunia seperti Babson College, USA. UMK boleh berbangga kerana ia adalah satu-satunya IPTA di Malaysia yang dipilih oleh Babson College, USA untuk menganggotai konsortium keusahawanan akademik yang berprestij iaitu *Global Consortium of Entrepreneurship Education (GCEE)*. Saya berharap melalui kerjasama strategik ini, Model Pendidikan Keusahawanan yang lebih komprehensif akan dapat dibangunkan menggunakan pendekatan *vertical* dan *horizontal* melalui proses *benchmarking* kepada amalan terbaik IPT ini.

Selain Babson College, kita juga dalam proses untuk mengadakan jalinan kerjasama dengan beberapa IPT lain seperti University of Coventry, Durhan, Stirling, Leeds di United Kingdom dan juga Taiwan bagi mendapatkan lebih ramai lagi pakar-pakar dalam pendidikan keusahawanan untuk membantu UMK dan tenaga akademiknya dalam mentransformasikan universiti ini menjadi antara yang disegani dan terkemuka di dunia. Semua ini menjurus kepada hasrat UMK untuk melahirkan graduan-graduan yang mempunyai ciri-ciri keusahawanan yang lengkap dengan pelbagai ilmu dan kemahiran yang mampu mewujudkan generasi bestari yang unik, berbeza dan mampu bersaing hingga ke peringkat global.

Intipati Majalah Teraju pada kali ini akan menghuraikan semua hasrat dan objektif universiti untuk menjadi sebuah universiti komprehensif berfokus (keusahawanan) yang unik lagi berwawasan.

Adalah menjadi harapan saya agar semua warga UMK dapat bersama-sama saya dalam usaha untuk memastikan semua ini dapat dicapai mengikut perancangan yang telah dibuat.

Sekian, terima kasih.

PROF. DATUK DR. RADUAN BIN CHE ROSE
 Naib Canselor



Berita Semasa:
 Amanat Tahun Baharu Naib Canselor 2013
 m/s: 2-5



Berita Semasa:
 PROGRAM PENGHAYATAN TAMAN LAUT: UMK PULIHARA PULAU PERHENTIAN
 m/s: 10-11



FPV: Persatuan Mahasiswa Perubatan Veterinar UMK sertai Karnival Antarabangsa BioKelantan
 m/s: 20



Berita: Agenda UMK Menuju Universiti Apex Keusahawanan
 m/s: 24



Berita Semasa: FTKW perlu komersilkan batik di pasaran antarabangsa
 m/s: 6



FKP: UMK JADI TUAN RUMAH BERSAMA ANJUR PERSIDANGAN IBIMA KE-2
 m/s: 14



HEP: Program Khidmat Komuniti Lambaian Bumi Borneo
 m/s: 21



HEP: UMK OPTIMIS LAHIR ATLET PROFESIONAL SUKAN LAWN BOWL
 m/s: 21



Berita: Bachok Bakal Jadi Hab Pendidikan Kecemerlangan Ilmu
 m/s: 22-23

Berita: CHIEF LIBRARIAN TALK SERIES Sustainability of Academic Librarians (Kelestarian Perpustakaan Akademik)
 m/s: 25



Berita Semasa: ELPIIC 2013: Usaha UMK perkenalkan Model MyRasch di kalangan penyelidik
 m/s: 6



FTKW: FTKW menang tempat kedua Ice and Snow Sculpture Harbin 2013
 m/s: 15



FSB: UMK hasilkan inovasi kayu komposit berasaskan ubi kayu
 m/s: 16



Berita: UMK menang empat perak dan dua gangsa
 m/s: 23



Berita Semasa: UMK AGE COUNCIL - JARINGAN KERJASAMA PINTAR UMK DAN INDUSTRI
 m/s: 7



FIAT: UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN JADI RAKAN USAHASAMA KOLEJ POLYTECH MARA
 m/s: 17



Berita: MTE 2013: UMK menang empat perak dan dua gangsa
 m/s: 23



Berita: Program SME @ University Programme Participants in 2012 sasar lahir CEO PKS Bertaraf Dunia
 m/s: 25



Berita Semasa: Sesi Ramah Mesra YBHG. DATUK AL. Y.B. Ketua Setiausaha Ke...
 m/s: 8



PPBPI: ILCOME 2013: 10 Pelajar Jepun Berkampung Di UMK
 m/s: 18-19



Berita: UMK jadi Universiti awam pertama menganggotai GCEE
 m/s: 24



Berita Semasa: Majlis Ramah Mesra bersama Media
 m/s: 9



Berita: UMK jadi Universiti awam pertama menganggotai GCEE
 m/s: 24

MEMBUDAYA KECEMERLANGAN KEUSAHAWANAN AMANAT TAHUN BAHARU NAIB CANCELOR 2013



MAJLIS Amanat Naib Canselor Universiti Malaysia Kelantan (UMK) 2013 yang bertemakan Membudaya Kecemerlangan Keusahawanan telah berlangsung di Dewan Terbuka Keusahawanan, UMK Kampus Kota, Pengkalan Chepa, Kelantan, pada 2013.

Naib Canselor UMK, YBhg. Prof. Datuk Dr. Raduan bin Hj. Che Rose, telah menggariskan beberapa agenda dalam memperkasakan lagi pencapaian ke arah kecemerlangan keusahawanan.

Menurut beliau, pemilihan tema "Membudaya Kecemerlangan Keusahawanan", adalah sebagai satu penegasan bahawa kita perlu serius dengan tujuan sebenar penubuhan universiti ini. Kita perlu membina persekitaran dan pemikiran keusahawanan di setiap pelusuk dan peringkat universiti ini bermula daripada para akademik sehinggalah kepada para pelajar.

Secara ringkas, saya akan menggariskan beberapa sasaran dan pengukuran kejayaan universiti sepanjang tahun 2013. Dalam erti kata lain, tidak lain dan tidak bukan ialah fokus dan kerja kita adalah untuk memberi perhatian sepenuhnya kepada agenda-agenda yang akan saya gariskan itu.

Dalam tempoh pelaksanaannya kita akan melihat bagaimana kita boleh melaksanakan program-program bagi menjayakan agenda tersebut, termasuk soal perubahan struktur, soal perubahan strategi, pembudayaan kerja dan beberapa inisiatif lain.

Dan seterusnya, saya juga akan menyentuh serba sedikit proses pembudayaan budaya kerja yang akan kita terapkan kepada seluruh warga UMK.

Sehubungan itu, sebagai warga UMK anda perlu lebih tanamkan tekad untuk memajukan dan membangunkan universiti ini kerana dari pemerhatian saya, kita masih terperangkap, terjerumus dan tersekat pada tahap perkembangan yang sangat-sangat sederhana.

Hari ini, pada fasa kedua ini sudah sampai masanya untuk kita melaksanakan strategi-strategi baru atau gagasan baru yang boleh kita anggap sebagai fasa kedua bagi pembangunan UMK.

Justeru itu, warga UMK perlu memainkan peranan lebih agresif dan pro-aktif sebagai persediaan yang lebih besar dengan mengenal pasti apakah ramuan kejayaan yang boleh kita gunakan untuk mengeluarkan diri daripada terperangkap dalam kesederhanaan itu.

Sebab itulah, kalau boleh kita mahu mencari ramuan terbaik berdasarkan kepada apa yang digunakan oleh pakar-pakar pengu-rusan dengan pelbagai teori dan model yang boleh digunakan.

Dalam konteks UMK, kita akan memulakan perubahan dengan menggarapkan beberapa formula-formula utama khusus untuk menepati sasaran yang saya akan gariskan sebentar nanti.

Saya sangat percaya, dengan bilangan keseluruhan kakitangan seramai 767 orang kita mempunyai keupayaan yang sangat tinggi bagi mencapai fasa kedua ini.

Saya ingin melihat perubahan minda dalam kalangan warga UMK ibarat seperti "datang sebelum dipanggil, buat sebelum disuruh dan tidak berhenti sebelum habis". Inilah semangat dan perubahan minda yang saya harapkan dalam kalangan seluruh warga UMK.

Percayalah, saya akan memberi segala keupayaan dan kemampuan yang saya ada untuk bersama-sama dengan saudara-saudari sekalian bagi membangunkan Agenda 2013.

Dalam mana-mana institusi pengajian tinggi pun, tugas kita ialah mengeluarkan graduan, melalui proses pembelajaran dan pengajaran.

Dalam aspek itu di peringkat nasional kita mempunyai mekanisma Sistem Penarafan Disiplin Pengajian (SETARA) dan Disipline-Based Rating System (D-SETARA) yang diperkenalkan sejak tahun 2009 yang



lepas untuk menilai kualiti dan kecemerlangan sesebuah institusi.

Dalam SETARA terdapat 25 indikator yang akan diukur melalui 82 cabang dan item-item pengukuran, prosesnya yang terlibat dalam aspek itu ialah proses *input* dan *output* yang selama ini kita berada dalam peringkat yang masih sederhana.

54 institusi telah dinilai dengan pengiraan 1,2,3,4, dan 5 tier, yang mana kita dalam kumpulan tier empat bersama dengan 16 IPT lain termasuk IPTA/IPTS.

Mulai tahun ini, seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, kita juga akan dinilai dalam sistem di D'SETARA, *discipline based* yang berdasarkan kepada program pengajian. Setakat ini hanya ada beberapa program atau bidang yang dinilai, antaranya ialah sains kesihatan, hospitaliti dan kejuruteraan.

Sebagai permulaan, kita menasaskan untuk mencapai tahap tier empat sekiranya setiap program dinilai melalui sistem ini. Jadi, untuk tahun 2013 bagi SETARA ini, kita perlu mencapai tier lima manakala dalam penilaian D'SETARA kita menasaskan untuk semua program yang kita tawarkan sekurang-kurangnya tier empat.

Pengukuran dan penilaian kedua ialah MYRA, iaitu sistem pengiktirafan dalam aspek penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan. Tahun lepas saya memujuk hati saya atas pencapaian kita, yang hanya mendapat satu bintang sahaja. Tetapi bila kita pandang ke belakang masih ada institusi lain yang tidak mendapat bintang. Keadaan ini hanyalah ibarat nak memujuk hati walaupun sebenarnya semangat saya tidak sebegitu.

Tahun ini dengan segala perancangan strategi, perubahan struktur dan perubahan budaya yang kita ada. Kita menasaskan untuk memperolehi sekurang-kurangnya tiga bintang pada tahun 2013 ini.

Pada tahun ini juga, saya berhasrat meneruskan agenda pembudayaan penyelidikan keusahawanan yang harus diterajui bersama. Ini ialah perkara yang sangat-sangat akan saya berikan perhatian.

Fokus dan pendedahan penyelidikan secara berterusan akan diberi keutamaan kepada pensyarah-pensyarah melalui pendekatan 'sistem kluster'. Kita mempunyai 28 tenaga akademik yang terdiri daripada pakar-pakar bertaraf profesor.

Mereka ini akan menjadi mentor kepada setiap daripada 361 tenaga akademik di sini, termasuk 41 orang yang sedang belajar dan 106 orang staf yang



sedang mengikuti pengajian di peringkat sarjana dan doktor falsafah (PhD). Ini juga termasuklah 185 staf akademik yang akan dilantik. Semuanya berjumlah kira-kira 500 orang yang akan diramkumkan.

Untuk makluman semua, tugas pertama para mentor berkenaan ialah membuat penelitian dan mengetuai proses penambahbaikan pada setiap kursus yang kita perkenalkan.

Melalui pendekatan *kluster* juga, para mentor akan mendukung agenda penyelidikan ini. Pada tahun ini, saya telah menasaskan untuk mendapat tiga bintang MYRA.

MYRA hanya boleh dicapai jika 70 peratus dari MYRA adalah dalam diri kita, pertama bilangan enjin penyelidikan yang ada kualiti dan kuantiti enjin.

Walaupun bagaimanapun, pada tahun 2013 ini kita akan bangun untuk meneliti satu-persatu setiap kategori anugerah tersebut. Kita akan melaksanakan program-program untuk sekurang-kurangnya kita memperolehi satu daripada lima kategori hadiah keusahawanan yang dipertandingkan itu.

Jadi, saya ulang, sasaran kejayaan yang perlu kita capai dan perolehi pada tahun ini dalam SETARA ialah tier lima, dan di peringkat penilaian D'SETARA untuk semua program ialah tier empat dan kita akan menasaskan tiga bintang untuk MYRA. Bagi Anugerah Keusahawanan KPT, kita perlu memperolehi sekurang-kurangnya satu anugerah daripada lima kategori yang dipertandingkan.

Sementara itu, di peringkat nasional, kerajaan telah menasaskan setiap IPTA untuk menetapkan

kohort perlu mempunyai lima peratus graduan yang menceburkan diri dalam bidang keusahawanan.

Dalam pengukuran pencapaian lima peratus itu, bagi UMK sebagai Universiti Keusahawanan tidak memadai, kita meletakkan sasaran sekurang-kurangnya 10 peratus daripada graduan kita akan menceburkan diri sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam bidang keusahawanan.

Sehubungan itu, sebagai ujian lain, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) hanya akan mengutamakan pelajar yang menjadikan universiti itu sebagai pilihan utama mereka untuk sesi kemasukan September ini.

Kita menasaskan 85 peratus daripada jumlah pelajar bagi sesi kali ini terdiri daripada mereka yang betul-betul mahu datang ke UMK dan bukannya golongan yang 'kahwin paksa' selepas permohonan dalam UPU ke institusi lain gagal.

Dalam proses mendapatkan pelajar-pelajar, kita harus dilihat sebagai institusi yang diminati dan ingin dimasuki oleh para calon. Setakat ini, jika diambil kira pengambilan pelajar pada tahun lepas kita hanya mempunyai 55 peratus sahaja dari jumlah lebih 1700 pelajar-pelajar baharu yang memilih kita sebagai pilihan pertama, kedua, ketiga, keempat dan kelima sebagai pilihan dalam permohonan UPU mereka.

Oleh demikian, sebagai sebuah universiti kita juga perlu tentukan program pengajian kita mempunyai tahap kualiti yang boleh kita banggakan contohnya, program akademik di Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP) yang mempunyai enam program pengajian. Adakah program akademik itu mempunyai tahap kualiti yang boleh dibanggakan dan lebih baik dari program yang ditawarkan oleh IPTA dan IPTS.

Itu perkara asas yang akan kita lakukan, dalam erti kata lain kita perlu bandingkan program akademik yang kita tawarkan itu setanding dengan semua IPTA/IPTS tempatan dan di luar negara, untuk melihat supaya kita memenuhi tahap dan pencapaian tertentu.

Kita tidak mahu selamanya kita terperangkap dalam keadaan serba sederhana itu. Kita tidak akan mencari segala alasan untuk memujuk diri kita untuk memaafkan segala kekurangan pencapaian dalam semua program yang kita ada. Begitu juga dengan fakulti-fakulti lain.

Contohnya Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW) yang menawarkan dua program pengajian. Kita akan mengkaji untuk membangunkan program-program yang mempunyai atribut yang lebih kompetitif dan bersesuaian dengan keperluan industri serta memenuhi landskap transformasi pembangunan negara.

Jadi, dekan dan seluruh warga Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW), perlu bersama-sama memikirkan cabaran yang saya lontarkan kepada mereka untuk diselesaikan pada tahun ini juga.

Tidak ketinggalan Fakulti Perubatan Veterinar (FPV) yang hanya terdapat dua dalam negara iaitu satu di Universiti Putra Malaysia (UPM) dan UMK.

Manakala, di UMK Kampus Jeli kita mempunyai Fakulti Sains Bumi (FSB) yang menawarkan tiga program akademik peringkat ijazah yang menggunakan sains gunaan dan seterusnya beberapa bidang lain yang mereka bentuk sebagai pengkhususan. Begitu juga, dengan Fakulti Industri Asas Tani (FIAT) yang mempunyai empat program juga memerlukan pendekatan dalam bidang tertentu untuk mampu bersaing dengan institusi lain.

Sesungguhnya, penubuhan UMK bukan sahaja untuk memayungi agenda keusahawanan dengan sekadar menyediakan lebih banyak peluang pengajian tinggi tetapi perlu sentiasa mempelbagai-pengisiannya supaya UMK pada akhirnya dapat memberi manfaat luas kepada masyarakat dan negara.

Sebagai proses tranformasi, kita telah lakukan sedikit-pengubahsuaian dan pembaharuan dengan memberi nafas baru kepada usaha itu melalui tagline baru iaitu *Transformative, Entrepreneurial and Excellence. I will transform this university and try best, nothing less.*

Motto baharu yang ditambah baik ini akan digunakan bersama-sama tagline lama iaitu *Entrepreneurship Is Our Thrust*. Jadi jangan terperanjat di belakang baju saya ini telah ada tertulis dengan jelas iaitu *Transformative, Entrepreneurial Excellence*.

Langkah pertama pihak pengurusan universiti ialah bekerjasama dengan *The Best Institution in the world*, dalam aspek pendidikan keusahawanan institusi ini adalah yang terbaik dalam aspek pendidikan keusahawanan ialah Babson College di Amerika Syarikat.

Selari dengan itu dan untuk memperkasakan agenda keusahawanan UMK. Kita juga telah membuat keputusan untuk menyertai *The Global Consortium Entrepreneurship Educators Group* atau GCEE. Penyertaan UMK dalam GCEE telah menjadikan kita satu-satunya universiti awam di negara ini yang telah menganggotai konsortium itu.

Faedahnya, kita akan dapat akses kepada modul-modul akademik keusahawanan yang diperkenal-

kan di Babson College. Kita juga dapat menjalankan kerjasama dengan institut-institut lain yang bernaung dibawah GCEE dan dari semasa ke semasa kita juga boleh menggunakan kepakaran dari Babson College.

Walaupun bagaimanapun, kita tidak mahu terpesong jauh kerana dalam aspek budaya keusahawanan mereka sangat berbeza, *culture different*. Oleh itu kita juga akan melihat model pendidikan keusahawanan di negara lain, contohnya model-model terkemuka di United Kingdom dan universiti-universiti tempatan termasuklah Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR) yang juga anggota GCEE ini.

Jadi, kita akan membentuk model pembelajaran pendidikan keusahawanan mengikut cara dan kaedah kita sendiri yang dikenali sebagai *Entrepreneurship UMK Education Model*. Ia akan kita bangunkan serta bernaung dibawah Institut Keusahawanan UMK.

Oleh itu, saya mengharapkan sumbangan anda semua tidak kira daripada setiap kumpulan sama ada pemandu, keselamatan malah pencuci pun ada peranan masing-masing. Tidak lupa juga, *all my three strategic partners*, rakan strategik saya, Kesatuan Staf Pelaksana, Staf Akademik dan Presiden Persatuan Pentadbir dan Profesional.

Mereka ini ialah rakan strategik universiti yang sama-sama harus memberi sumbangan sepenuhnya kepada pencapaian universiti.

Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk menyentuh serba sedikit mengenai proses pembangunan kerja dan komitmen dalam kalangan kakitangan. Saya percaya setiap orang apabila dilantik, perlu jelas dengan peranan masing-masing.

Setiap orang perlu memikirkan bagaimana mereka boleh mengimbangi keperluan pembangunan kerjaya masing-masing dengan usaha-usaha yang sedang dijalankan oleh pihak universiti.

Jadi, saya berharap semua orang melihat kepada tugas masing-masing dan membuat pengubahsuaian supaya selain dari berjaya dalam kerjaya masing-masing ianya juga dengan jelas dapat membantu pembangunan dan kemajuan UMK dalam fasa kedua ini.

Sebaliknya, walau sebaik manapun kita tetapi kalau kita berbalah, bergaduh, bermusuhan dan tikam belakang akan menghancurkan dan menghindar segala kemajuan.

Percayalah, saya akan sentiasa memberi ruang kepada setiap orang untuk maju dalam kerjaya masing-masing dengan rasa penuh terbuka supaya tidak ada kesangsian, tidak ada syak wasangka, tidak ada rasa iri hati dan sebagainya.

Saya umumkan bahawa semua 767 orang ini adalah ahli keluarga besar saya. Bagi saya, *the key element of any success is a trust*. Kepercayaan. Saya percaya 767 orang ini harus saling percaya antara satu sama lain. Kita harus saling menghormati. *Mutual respect*.

Selari kita akan mencari jalan, kita akan bekerja keras, kita akan sentiasa memerah segala tenaga dan kepakaran demi masa depan dan pencapaian agenda-agenda 2013 yang telah saya gariskan.

Jadi, sebagai tanda bahawa kita sedia mendengar, kita sedia menerima pandangan, Pusat Hal Ehwal Korporat (PHEK) dan Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (JTMK) telah menyediakan satu platform Bank Idea yang boleh digunakan oleh semua orang untuk menyampaikan pandangan-pandangan dan pelbagai perkara demi pembangunan dan kemajuan universiti.



Di samping itu, saya juga berharap di peringkat fakulti, jabatan, unit dan sebagainya, kita harus menggembeleng segala tenaga manusia yang ada. *We are going to fully mobilized and utilized all the available talent around*. Menggembeleng dan mempergunakan sepenuhnya semua 767 warga UMK.

Jadi, dengan perkataan yang lebih berfokus ini, saya ingat jika tahun lepas dua jam setengah saya bercakap mengenai banyak sangat perkara, tapi kita masih terperangkap dalam kesederhanaan. Tahun ini kita akan lebih jelas. Keluar dari perangkap itu, keluar dari kesederhanaan itu dan jelmakan diri sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang boleh kita sama-sama banggakan.

Saya melihat kepada setiap anda yang berada dalam dewan ini, sama ada kita boleh bekerjasama

dan mencapai bersama-sama objektif yang telah kita gariskan itu dan mungkin di hujung tahun, pendekatan kita, ganjaran kita, pengiktirafan kita akan sedikit berbeza.

Our reward system, recognition system will be slightly different, where there will be a more group base assessment, based on the cluster that we have already develop, based on individual achievement on certain area.

Saya berharap semua impian yang ingin dicapai bukan sekadar impian, ini akan menjadi asas dan panduan bagi kita untuk terus melangkah gagah mendepani masa depan yang lebih gemilang.

Namun, harus diingatkan, usaha melonjakkan universiti bukan hanya bergantung kepada amanat yang digariskan ini semata-mata. Idea besar perlu dicetuskan sendiri oleh semua warga UMK terutamanya barisan peneraju kepimpinan Universiti.

Saya percaya hanya melalui kuasa idea yang dijanakan dan diraikan, UMK akan sentiasa relevan, unik dan berbeza.

Kita akan cari jalan supaya pengiktirafan sewajarnya boleh kita lakukan. Akhir kata, saya sekali lagi menyeru kepada setiap warga UMK untuk kita tanamkan semangat sempena tahun 2013 sebagai proses transformasi pendidikan keusahawanan UMK.

Saya ingin melihat perubahan minda dalam kalangan warga UMK ibarat seperti “datang sebelum dipanggil, buat sebelum disuruh dan tidak berhenti sebelum habis”. Inilah semangat dan perubahan minda yang saya harapkan dalam kalangan warga UMK.



FTKW perlu komersilkan batik di pasaran antarabangsa

FAKULTI Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW) perlu bergerak lebih agresif dengan mengadakan lawatan dan menganjurkan pameran di peringkat antarabangsa untuk terus memartabatkan batik Malaysia di peringkat antarabangsa, termasuk menjengah pasaran komersil di Korea Selatan, Japan, United Kingdom dan sebagainya.

Naib Canselor UMK, YBhg. Prof. Datuk Dr. Raduan bin Hj. Che Rose berkata, usaha itu perlu dimanfaatkan bagi menjenamakan batik di luar negara untuk memastikan produk tempatan tidak hanya disebarluaskan di peringkat universiti tetapi boleh menembusi peringkat antarabangsa.

Sehubungan itu, beliau berkata, pihak universiti sentiasa memberi sokongan dan peluang bagi memastikan insiatif ini dapat membuka peluang keusahawanan yang sangat besar.

"Selain memupuk minat kepada pelajar tetapi kita perlu ada strategi yang perlu dimulakan daripada sekarang untuk tujuan pemasaran dan perniagaan dengan mengkomersilkan produk yang dihasilkan dengan harga yang tinggi," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis perasmian penutup *Colloquium Batik Block 2013* yang bertemakan *Innovating Heritage Towards Fashionable Future*, di UMK Kampus Bachok, pada 16 April 2013.

Turut hadir, Mantan Ketua Pengarah Kraftangan Malaysia, Y.M. Raja Datin Paduka Fuziah binti Raja Uda, Dekan FTKW, YBhg. Prof. Dr. Abu Hassan bin Hasbullah, Pendaftar UMK, YBhg. Prof. Dr. Razli bin Che Razak dan Pensyarah Unit Jabatan Rekabentuk dan Teknologi Kreatif, FTKW, YBhg. Prof. Madya Mohamad Najib bin H.Md. Nor.



Sementara itu, Prof. Madya Mohamad Najib berkata, penganjuran program *Colloquium Batik Block* adalah sebagai langkah yang tepat untuk melindungi warisan tradisional batik blok dan memulihara kesenian ini walaupun ada perkembangan teknologi terkini dalam industri batik.

"Malah kita melihat melalui kolokium yang dianjurkan ini juga bertujuan untuk berkongsi idea baharu dan kepakaran

bagi menginovasikan teknik batik blok agar terus berkembang dan digunakan oleh pereka muda.

"Kaedah penghasilan batik blok amat popular dalam pembuatan batik sarong dan kain ela pada tahun 1930 dengan terhasilnya penciptaan blok tembaga (cop) yang memberi nafas baharu dalam pengeluaran batik," katanya.



ELPIIC 2013: Usaha UMK perkenalkan Model MyRasch di kalangan penyelidik

KOTA BHARU 26 Oktober - Universiti Malaysia Kelantan (UMK) melalui Pusat Penyelidikan dan Inovasi Keusahawanan Global (GERIC), menganjurkan program 'Evaluation of Learning for Performance Improvement International Postgraduate Colloquium' (ELPIIC 2013) bertempat di Hotel Renaissance, Kota Bharu, Kelantan, pada 25 hingga 26 Februari 2013.

Program ELPIIC 2013 turut mendapat kerjasama 'The Elsevier' iaitu sebuah syarikat penerbitan jurnal terkemuka di dunia yang memberikan maklumat berkenaan produk dan perkhidmatan serta kajian dalam bidang saintifik, teknikal dan perubatan.



Forum selama dua hari itu telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Kewangan, YB. Senator Dato' Dr. Awang Adek bin Hussein, dengan objektif utamanya adalah untuk menjadikan ELPIIC 2013 sebagai landasan terbaik kepada Universiti Malaysia Kelantan untuk terus aktif di dalam penerbitan jurnal di peringkat antarabangsa.

Menurut Dato' Dr. Awang Adek, pembangunan tenaga akademik hendaklah dilaksanakan secara seimbang dengan pencapaian pembangunan negara bagi merealisasikan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia menjadi sebuah Negara membangun pada tahun 2020.

Beliau berkata, pada persidangan Forum Ekonomi Dunia, Bank Dunia telah mengiktiraf Malaysia merupakan negara kelima berdaya saing untuk pelaburan dan menjalankan perniagaan.



"Sehubungan itu, kerajaan telah merangka pelbagai aktiviti promosi perdagangan dan perniagaan di peringkat global dan tempatan dengan mengambil bahagian dalam misi pelaburan dan pameran perdagangan atau bahkan dalam industri berkaitan forum, seminar dan persidangan," katanya dalam ucapan sempena perasmian ELPIIC 2013.

Dato' Dr. Awang Adek berkata, adalah menjadi harapan beliau untuk melihat program ini sebagai platform untuk menyalurkan, berkongsi dan merealisasikan segala idea yang inovatif serta ilmu untuk dipraktikkan bagi mempertingkatkan pencapaian yang sedia ada.



UMK AGE COUNCIL – JARINGAN KERJASAMA PINTAR UMK DAN INDUSTRI

UNIVERSITI Malaysia Kelantan (UMK) perlu memperkukuhkan jaringan kerjasama pintar melalui pelbagai saluran perundingan terutamanya dalam mendapatkan maklum balas, perkongsian idea dan pandangan yang disalurkan oleh pihak industri untuk menjana idea bagi pembangunan universiti.



Pengerusi Majlis Action Group for Entrepreneurship (AGE), YBhg. Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah bin Che Othman berkata, adalah penting bagi sesebuah Universiti untuk berkembang seiring dan relevan dengan keperluan industri.

"Langkah penubuhan UMK AGE Council adalah usaha penglibatan pihak industri dalam bidang akademik dan penyelidikan untuk memberi impak yang besar bagi memantapkan peranan UMK sebagai sebuah universiti berteraskan keusahawanan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Mesyuarat Majlis Universiti Malaysia Kelantan Action Group For Entrepreneurship (UMK AGE), di sebuah hotel di Kuala Lumpur, pada 22 Januari 2013.

Mesyuarat itu telah dihadiri oleh pihak pengurusan universiti dan enam wakil daripada panel industri (UMK Age Council) iaitu Pengerusi NADICORP Holdings Sdn. Bhd., YBhg. Dato' Sri Mohd Nadzmi Mohd Salleh, Pengarah Urusan Mydin Mohamed Holdings Bhd, YBhg. Dato' Hj. Ameer Ali Mydin, Ketua Pegawai Eksekutif IA Group Sdn. Bhd, YBhg. Dato' Dr. Hamzah Kassim, Presiden Uda Ocean Superstore Sdn. Bhd., Ahli Lembaga Pengarah Urusan Kurnia Insuran (M) Berhad, YBhg. Dato' Sharifuddin Abdul Wahab dan Pengarah Urusan Muslim Best Marketing (M) Sdn. Bhd., YBhg. Hj. Sheikh Ahmad Dusuki bin Sheikh Mohamad.

Hadir sama, Naib Canselor UMK, YBhg. Prof. Datuk Dr. Raduan bin Hj. Che Rose, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), YBhg. Prof. Dr. Roselina binti Ahmad Saufi, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), YBhg. Prof. Madya Abdul Aziz bin Ab. Latif, Penolong Naib Canselor (Penyelidikan, Inovasi dan Keusahawanan), YBhg. Prof. Dr. Mohamad Kamal bin Hj. Harun dan Pendaftar UMK, YBhg. Prof. Dr. Razli bin Che Razak.

Sementara itu, Prof. Datuk Dr. Raduan berkata, pada mesyuarat kali ini, pembentangan dua kertas kerja telah diadakan iaitu bertajuk *Embedding Entrepreneurship in UMK Study Programme dan Academia-Industry Graduate Development Centre*.





KPT Rangka Tindakan Kebolehpasaran Siswazah IPT

Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) telah menetapkan sasaran sekurang-kurangnya 75 peratus graduan institusi pengajian tempatan mendapat pekerjaan yang bersesuaian dengan kursus atau program pengajian mereka ambil selepas enam bulan menamatkan pengajian.

Ketua Setiausaha KPT, YBhg. Dato' Ab. Rahim bin Mohd Noor berkata, dalam usaha mencapai sasaran itu sejumlah 70 juta telah diperuntukkan di bawah KPT bagi pelaksanaan Program Kebolehpasaran Graduan manakala sejumlah RM30 juta diperuntukkan bagi Program Keusahawanan Pelajar.

Beliau berkata, dua program berimpak tinggi ini merupakan inisiatif KPT untuk melaksanakan Program Kebolehpasaran Pelajar (PKP) yang merupakan salah satu inisiatif penting bagi memenuhi keperluan guna tenaga profesional dan mahir bagi pembangunan negara.

"Pendekatan yang diambil ini adalah sejajar dengan matlamat Teras Ke-2 Pelan Strategik Pengajian Negara (PSPTN), yang telah dilaksanakan secara bersepadu di bawah program

Pembangunan Nilai Tambah Pelajar, Program Kebolehdapatan Kerja Graduan dan Program Kolaborasi Bersama Agensi-Agensi Kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita semasa Gerak Mesra Program Kebolehpasaran Graduan KPT-UMK dan Sesi Ramah Mesra Bersama Majlis Perwakilan Pelajar UMK, di UMK Kampus Kota, Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan, pada 24 Mac 2013.

Hadir sama, Naib Canselor UMK, YBhg. Prof. Datuk Dr. Raduan bin Hj. Che Rose, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), YBhg. Prof. Dr. Roselina binti Ahmad Saufi, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa), YBhg. Prof. Madya Abd. Aziz bin Ab. Latif, Setiausaha Bahagian Perancangan dan Penyelidikan KPT, YBrs. En. Suhaime bin Mahbar dan Pendaftar UMK, YBhg. Prof. Dr. Razli bin Che Razak.

Sementara itu, pihak KPT akan melaksanakan pelbagai program yang berfokus dan lestari untuk memperkasakan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan penuntut Institusi Pengajian Tinggi (IPT) tempatan yang didapati masih lemah menyebabkan mereka sering kali gagal dalam sesi temuduga.

Menurut Dato' Ab. Rahim, pihak KPT mendapati faktor utama graduan gagal mendapat pekerjaan ialah kerana kelemahan bahasa Inggeris dan pelajar IPT dilihat memiliki tahap berkomunikasi yang rendah dan perkara tersebut diakui serta sering kali dibangkitkan oleh pihak industri.

Sehubungan itu, beliau berharap pelajar akan diberi motivasi dan didedahkan dengan ekosistem yang membolehkan mereka belajar dan berkomunikasi dalam bahasa Inggeris.

"Pelajar kita ini dari segi peperiksaan mereka bagus, dari segi penguasaan dan komunikasi mereka lemah. Mereka boleh menjawab soalan, tetapi bercakap, temuduga, ceramah tidak sampai tahap yang memuaskan. Kita akan memperkasakan penguasaan bahasa Inggeris ini," jelasnya.



Pelajar betul-betul mahu masuk UMK diutamakan - Prof. Datuk Dr. Raduan

UNIVERSITI Malaysia Kelantan (UMK) hanya akan mengutamakan pelajar yang menjadikan universiti itu sebagai pilihan utama mereka untuk sesi kemasukan September ini bagi membendung pandangan skeptikal terhadap institusi itu dalam menawarkan program pendidikan yang berkualiti.

Naib Canselornya, YBhg. Prof. Datuk Dr. Raduan bin Hj. Che Rose berkata, sehubungan itu, UMK menasarkannya 85 peratus daripada jumlah pelajarnya bagi sesi adalah terdiri daripada mereka yang betul-betul mahu datang ke UMK bukannya golongan yang 'berat hati' selepas permohonan ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) lain gagal.

Beliau berkata, meskipun UMK merupakan IPTA yang termuda di negara ini dan baru ditubuhkan pada 2007, masyarakat tidak sepatutnya memandang sinis keupayaannya kerana tenaga kerja terutama pakar akademik di situ setaraf dengan mana-mana universiti di negara ini.

"Sebelum ini tidak ramai yang mengenali UMK sebagai sebuah universiti dan program ditawarkan juga diragui walaupun menepati Lembaga Kelayakan Malaysia (MQA).

Rata-rata pelajar agak skeptikal untuk melanjutkan pengajian ke UMK dan tidak menjadikannya sebagai pilihan utama," katanya pada Majlis Ramah Mesra UMK bersama Media, di sebuah hotel, di Kota Bharu, Kelantan, pada 23 Januari 2013.

Prof. Datuk Dr. Raduan berkata, menerusi sesi pengambilan 2012, UMK menerima kemasukan sebanyak 1,900 pelajar dan hanya kira-kira 50 peratus daripada mereka terdiri daripada pelajar yang meletakkan universiti itu sebagai pilihan utama.

Sementara itu, beliau berkata, bagi memastikan kualiti pendidikan di situ sentiasa menepati cita rasa pasaran, UMK akan melatih 185 pensyarah baharu untuk berkhidmat pada tahun ini.

Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Sains Sumber Asli) Dengan Kepujian

Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Geosains) Dengan Kepujian

Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Sains Kelestarian) Dengan Kepujian

Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Teknologi Bahan) Dengan Kepujian






Hidupan laut yang ditemui pelajar.



Pengalaman pertama pelajar menaiki bot.



Aktiviti gotong-royong membersihkan pantai.



UMK PULIHARA PULAU PERHENTIAN PROGRAM PENGHAYATAN TAMAN LAUT



Teruja melihat pemandangan dasar laut.



Wakil daripada Pusat Hal Ehwal Korporat menyampaikan sumbangan penaja kepada SMK DAM.



UNIVERSITI Malaysia Kelantan (UMK) baru-baru ini menyertai 80 pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Dato' Ahmad Maher bagi menjayakan program Penghayatan Taman Laut di Pulau Perhentian, Besut, Terengganu.

Seramai 20 penuntut dan 15 kakitangan UMK diketuai Pengarah Pusat Hal Ehwal Korporat, Prof. Dr. Nik Maheran Nik Mohammad telah berkampung selama empat hari dari 21 hingga 24 Mac lalu di pulau yang dinobatkan antara 10 tercantik di dunia itu.

Program yang merupakan aktiviti tahunan SMK Dato' Ahmad Maher itu bertujuan memupuk kesedaran terhadap penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar dan turut mendapat sokongan Jabatan Pelajaran Kelantan, Jabatan Taman Laut, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar serta Universiti Sains Malaysia (USM).

Menurut Nik Maheran, pihaknya tertarik dengan pendekatan yang dijalankan oleh SMK Dato' Ahmad Maher dalam usaha memupuk kesedaran tentang pemuliharaan hidupan laut di peringkat sekolah lagi.

Beliau berkata, pihak universiti amat mengalu-alukan sebarang usaha untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan orang ramai dan seterusnya memberi mesej kepada masyarakat bahawa pemuliharaan hidupan laut serta alam sekitar adalah tanggungjawab semua pihak.

"Sebagai sokongan, pihak kami telah menghantar peserta untuk bersama para pelajar sekolah SMK Dato' Ahmad Maher menjalankan pelbagai program penghayatan hidupan marin di pusat peranginan taman laut itu termasuklah melakukan aktiviti pembersihan pantainya," katanya.

Sementara itu, Pengetua SMK Dato' Ahmad Maher, Che Ragayah Muhammad berkata, program penghayatan taman laut merupakan program tahunan bagi warga sekolah beroleh peluang menambah ilmu pengetahuan dan pengalaman tentang kepentingan serta pemuliharaan alam sekitar.

Katanya, pendedahan awal tentang biodiversiti alam marin perlu dipupuk di bangku sekolah kerana kesedaran golongan muda amat berkesan dalam menjaga alam sekitar dan hasil laut agar tidak terjejas pada masa akan datang.

"Pendekatan sekolah menganjurkan program ini bukan sahaja untuk penjagaan alam sekitar tetapi membina keyakinan diri para pelajar terutamanya membabitkan aktiviti atau pergerakan yang melibatkan air," katanya.

Sementara itu, siswa Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan UMK, Mohd. Faeze Kamarulzaman, 22, berkata, program itu wajar diteruskan dan turut dijadikan program tahunan universiti kerana merupakan salah satu tanggungjawab sosial demi menyebarkan kepentingan ekosistem kepada umum.

"Saya begitu kagum dengan pengalaman pertama terutamanya melakukan *water confident* di bawah bimbingan jurulatih profesional yang memberi tunjuk ajar untuk membina keyakinan diri serta persediaan bagi aktiviti snorkeling dan selam skuba.

"Tidak ketinggalan ialah lawatan ke Telaga Air Berani kerana airnya yang tawar tidak pernah kering walaupun pada musim cuaca panas," katanya.



Pemamer memberi taklimat tentang program-program pengajian di UMK.



Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), YBhg. Prof. Dr. Roselina binti Ahmad Saufi, dan pemamer di Karnival Jom Masuk U, di perkarangan Stadium Sultan Muhammad IV, Kota Bharu, Kelantan.

KARNIVAL JOM MASUK U 2013 - 30 - 31 Mac 2013

MESYUARAT LPU 2013 - 3 Mac 2013

Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Kelantan, YBhg. Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah bin Che Othman, mempengerusikan Mesyuarat LPU, di UMK Kampus Bachok.



Sesi perbincangan Naib Canselor bersama Profesor dan Profesor Madya yang menggariskan beberapa agenda untuk membawa universiti ini lebih cemerlang dan dihormati.

NAIB CANSELOR BERSAMA PROFESOR DAN PROFESOR MADYA - 13 Mac 2013



Sesi bergambar Naib Canselor UMK, YBhg. Prof. Datuk Dr. Raduan bin Hj. Che Rose, bersama Profesor dan Profesor Madya di sebuah hotel, di Kota Bharu, Kelantan.



SESI PERJUMPAAN NAIB CANSELOR BERSAMA STAF AKADEMIK

Prof. Datuk Dr. Raduan memberi taklimat untuk penilaian semula program akademik meliputi pendekatan penyelidikan dan inovasi berpaksikan tinggi.



Staf akademik UMK Kampus Jeli mendengar rumusan tentang program yang dirancang fakulti untuk dilaksanakan dengan berkesan.



UMK JADI TUAN RUMAH BERSAMA ANJUR PERSIDANGAN IBIMA KE-20

Universiti Malaysia Kelantan (UMK) sedang giat melaksanakan pelbagai program kerjasama di peringkat antarabangsa bagi meningkatkan usaha perkongsian kepakaran dan maklumat memandangkan cabaran maklumat yang semakin mencabar.

Dalam usaha itu, penganjuran The 20th International Business Information Management Conference (IBIMA) yang dihoskan oleh Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan IBIMA Publishing, Amerika Syarikat, adalah bertujuan untuk berkongsi pengalaman dan perkongsian ilmu maklumat pelbagai aspek termasuklah keusahawanan dan perniagaan.

Naib Canselor UMK, YBhg. Prof. Datuk Dr. Raduan bin Hj. Che Rose, berkata, usaha yang diambil oleh Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP) menjadi penganjur bersama dengan IBIMA yang merupakan sebuah badan yang terkenal dalam penerbitan jurnal penyelidikan bertaraf antarabangsa adalah bertepatan dengan hasrat universiti dalam menghadapi cabaran globalisasi.

Beliau berkata, perkara ini boleh dilakukan dengan mengenal pasti beberapa program di peringkat antarabangsa yang boleh dimanfaatkan untuk mengukuhkan kedudukan universiti dalam kerangka melahirkan modal insan berilmu dan berdaya saing untuk mencapai wawasan negara



2020 dan seterusnya membentuk negara yang lebih maju.

"Persidangan antarabangsa ini adalah amat penting yang merujuk kepada pelbagai tema utama dalam semua bidang terutamanya berkaitan dengan perniagaan dan keusahawanan," katanya.

Beliau berkata demikian pada ucapan Persidangan IBIMA Ke-20 yang bertemakan *Entrepreneurship Vision 2020: Innovation, Development Sustainability and Economic Growth*, di sebuah hotel di Kuala Lumpur, pada 25 Mac 2013.

Hadir sama, Presiden IBIMA, YBhg. Prof.

Madya Dr. Khalid bin Soliman, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), YBhg. Prof. Dr. Roselina binti Ahmad Saufi, Dekan FKP, YBhg. Prof. Dr. Mohamed Dahlan bin Ibrahim dan Timbalan Dekan Fakulti Geoinformasi dan Hartanah, Universiti Teknologi Malaysia, YBhg. Prof. Madya Dr. Hishamuddin bin Mohd Ali.

Sementara itu, Pengerusi Bersama IBIMA Ke-20, YBhg. Prof. Madya Dr. Mohd. Rafi Yaacob, berkata, melihat kepada perkembangan semasa, perkongsian strategik antara UMK, UTM dan IBIMA akan memberi manfaat kepada semua pihak dalam menyediakan pengalaman berharga menganjurkan sebuah persidangan berindeks di peringkat antarabangsa.

Beliau menambah, selain itu, persidangan ini akan memberi peluang dan pendedahan kepada penyelidik muda untuk membentangkan kertas kerja mereka dalam persidangan berindeks di peringkat antarabangsa.

"Kira-kira 130 kertas kerja akan dibentangkan dalam seminar dua hari ini menjurus kepada temanya dengan memberi penekanan kepada isu-isu dari segi teori, dan metodologinya dalam pelbagai bidang mahupun kepentingan," katanya.

FTKW menang tempat kedua Ice and Snow Sculpture Harbin 2013

FAKULTI Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW), Universiti Malaysia Kelantan (UMK), memenangi tempat kedua dalam *Ice and Snow Sculpture Harbin 2013*, di International Collegiate Snow Sculpture Competition, anjuran Harbin Engineering University (HEU), Harbin, China.

Dekan Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, YBhg. Prof. Dr. Abu Hassan bin Hasbullah, pihak UMK telah mengetengahkan karakter wayang kulit Kelantan, iaitu 'Hanuman' sebagai subjek bagi arca salji bertepatan dengan tema *Heartbeat of the Snow*.

Beliau berkata, karya arca salji yang dihasilkan itu memberi refleksi secara langsung mahu pun tidak langsung tentang kekayaan sumber seni tradisional masyarakat Melayu di Malaysia.

"Kemenangan ini membuktikan bahawa Malaysia umumnya dan UMK khususnya mampu berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dalam bidang kesenian," katanya.

Prof. Dr. Abu Hassan, pengalaman di Harbin, China setidak-tidaknya dapat mempromosi kekayaan sumber seni tradisional dan kebudayaan masyarakat Melayu di Malaysia, khususnya di negeri Kelantan.

"Meskipun mengambil inspirasi daripada budaya setempat, pasukan UMK-FTKW juga turut menyuntik beberapa elemen



kontemporari dalam idea mereka agar dapat disesuaikan dengan bentuk tiga dimensi yang sememangnya berlawanan dengan konsep wayang kulit yang lebih cenderung bersifat dua dimensi," jelasnya.

Sementara itu, Prof. Dr. Abu Hassan berkata bahawa, program tahunan yang berlangsung pada 4 hingga 9 Januari 2013 tersebut telah diadakan pada tahun 2007 telah menarik minat penyertaan dari pelbagai IPT khususnya dari Amerika Syarikat, Canada, Rusia, Thailand dan England.

Katanya, pada pertandingan tersebut, tiga pelajar iaitu Mohamad Amirul Syafiq bin Mohd Khairi, Shahreiny bin Amran, Jalaludin bin Abdullah telah berjaya mengharumkan nama Universiti.



FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF & WARISAN

Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kreatif Dengan Keujian

Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Keujian





UMK hasilkan inovasi kayu komposit berasaskan ubi kayu

SEKUMPULAN penyelidik Fakulti Sains Bumi (FSB), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) berjaya menghasilkan satu kaedah inovasi bagi menghasilkan kayu komposit yang berasaskan 100 peratus daripada tumbuhan ubi kayu.

Ubi Kayu atau juga dikenali dengan nama saintifik *Manihot esculenta*, *Tapioca* dan *Cassava* adalah sejenis tanaman komersial untuk menghasilkan produk bermotifkan makanan seperti kanji, tepung ubi, bahan perisa, plastik, produk komestik, makanan ringan dan pelbagai lagi.

Namun, hasil daripada inovasi oleh penyelidik UMK, pokok ubi kayu boleh

Tambah Mohd Sukhairi, kayu komposit dari batang ubi kayu adalah sejenis kayu komposit yang diperkenalkan bertujuan sebagai alternatif kepada masa depan kayu daripada tumbuhan kayu hutan yang boleh menyebabkan kepupusan hutan di negara kita.

"Ubi Kayu Komposit (CCL) terdiri daripada serat kayu daripada sisa pertanian berasaskan ubi kayu yang sememangnya banyak ditanam dan didapati di sebahagian besar kawasan luar bandar di Malaysia," jelasnya.

Mohd Sukhairi memberitahu, pihak kami menggunakan teknologi pembuatan produk di mana batang ubi kayu bagasses (tanpa kulit dan



dimanfaatkan untuk menghasilkan kayu komposit yang boleh digunakan dalam industri perabot dan penghasilan pelbagai produk berasaskan kayu.

Menurut Pensyarah (FSB), En. Mohd Sukhairi bin Mat Rasat, produk yang dihasilkan daripada kumpulan penyelidikan FSB itu merupakan alternatif kepada pengusaha dan pengeluar perabot tempatan untuk menghasilkan perabot berasaskan kayu daripada tumbuhan ubi kayu.

"Kelebihan daripada penghasilan kayu komposit daripada batang ubi kayu ini adalah untuk meningkatkan alternatif kepada penggunaan kayu biasa dan lebih mesra pengguna serta dapat menggalakkan lebih ramai penyelidik menghasilkan produk reka bentuk yang inovatif menggunakan tumbuhan tempatan," katanya.

padang) dikupas dan berpecah dalam arah membujur.

"Melalui kaedah ini, sisa daripada tumbuhan ubi kayu yang diproses kemudian terpaku dan dimampatkan bersama-sama bahan-bahan mekanikal lain untuk membentuk kayu komposit," jelasnya.

Dalam pada itu, produk kayu komposit yang dihasilkan akan dirawat dengan minyak organik kelapa sawit untuk meningkatkan ketahanan terhadap serangan kulat dan serangga.

Jelas Mohd Sukhairi, produk yang dihasilkan ini lebih kuat, tahan lama, bahan alternatif ringan dan murah untuk digunakan sebagai alternatif kepada kayu.

"Selain itu, kayu yang dihasilkan memiliki kelembapan yang stabil dan tahan reput," tambahnya lagi.

FAKULTI KEUSAHAWANAN & PERNIAGAAN

Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan
(Perdagangan) Dengan Kepujian

Ijazah Sarjana Sarjana Muda Keusahawanan
(Pelancongan) Dengan Kepujian

Ijazah Sarjana Sarjana Muda Keusahawanan
(Hospitaliti) Dengan Kepujian

Ijazah Sarjana Sarjana Muda Keusahawanan
(Keusahawanan Kesihatan) Dengan Kepujian

Ijazah Sarjana Sarjana Muda Keusahawanan
(Peruncitan) Dengan Kepujian

Ijazah Sarjana Sarjana Muda Keusahawanan
(Logistik dan Perniagaan Pengedaran) Dengan Kepujian

Ijazah Sarjana Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan
(Perbankan dan Kewangan Islam) Dengan Kepujian



UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN JADI RAKAN USAHASAMA KOLEJ POLYTECH MARA



KOTA BHARU 17 Mac - Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan Kolej Polytech Mara (KPTM) kini menjadi rakan usahasama dengan termeterainya memorandum persefahaman (MoU) bagi memperkemas lagi konsep dan pelan tindakan kedua-dua pihak bagi melahirkan modal insan yang berkualiti.

Majlis MoU itu telah ditandatangani oleh Naib Canselor UMK, YBhg. Prof. Datuk Dr. Raduan bin Hj. Rose dan Presiden KPTM, YBhg. Dato' Hj. Yusoff bin Harun, pada satu majlis yang berlangsung di bilik Mesyuarat Perdana, UMK Kampus Kota, Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan, pada 17 Mac 2013.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), YBhg. Prof. Dr. Roselina binti Ahmad Saufi, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), YBhg. Prof. Madya Abdul Aziz bin Abd. Latif, Penolong Naib Canselor, YBhg. Prof. Kamal bin Harun, Pendaftar UMK, YBhg. Prof. Dr. Razli bin Che Razak dan Pengarah KPTM Kelantan, YBhg. En. Mohamed Saifuddin bin Hussin.

Menurut Prof. Datuk Dr. Raduan, kerjasama ini akan memberi penekanan terhadap program kerjasama seperti penyelidikan, penawaran program bersama, kerjasama penerbitan hasil penyelidikan serta merangkumi kerjasama pengajaran bengkel, simposium dan lain-lain aktiviti akademik.

Beliau berkata, dalam proses transformasi negara kita memerlukan tenaga-tenaga pakar sama ada tenaga pakar ini dapat dilahirkan daripada institusi pengajian tinggi awam ataupun swasta. Perkara yang paling mustahak sebagai sebuah negara maju ialah dapat membekalkan tenaga kerja masa depan yang mencukupi dalam semua aspek keilmuan.

"Dalam kerangka negara maju kita perlu ada sekurang-kurangnya 40 peratus tenaga mahir itu memiliki ijazah dan dengan terjalannya kerjasama ini dapat memperkukuhkan lagi kerjasama dari segi pertukaran tenaga-tenaga pengajar, perkongsian, penyelidikan dan program-program dari semasa ke semasa," katanya.

Tambah beliau, kepercayaan dan keyakinan penuh yang diberikan oleh pelbagai pihak terhadap pencapaian Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dalam bidang keusahawanan membuktikan bahawa misi UMK untuk menjadi pelopor dan rujukan kalangan institusi pengajian tinggi di dalam negara kini telah berjaya direalisasikan.

Beliau memberitahu bahawa UMK telah mengadakan beberapa siri kerjasama akademik dengan pelbagai pihak di peringkat antarabangsa dan dalam negara.

"Menerusi majlis MoU itu, UMK sentiasa bersedia bekerjasama dengan KPTM membabitkan skop memorandum yang telah dikenalpasti dan dipersetujui. Namun, kerjasama ini boleh terus diperluaskan lagi dan tidak boleh terlalu mengikut skop yang ditetapkan," katanya.

Sementara itu, Dato' Hj. Yusoff dalam ucapannya memberitahu bahawa walaupun KPTM sebagai kolej swasta namun setiap program yang ditawarkan kepada graduannya juga mempunyai kualiti dan mengikut piawaian.

"Selain itu juga, kita juga memberikan peluang kepada pelajar yang mahu melanjutkan pelajaran dan kita boleh bagi mereka peluang kedua untuk belajar dan pada masa yang sama dapat melahirkan usahawan menerusi peluang kerjasama bersama KPTM dengan UMK," katanya.



ILCOME 2013 : 10 Pelajar Jepun Berkampung Di UMK

UNIVERSITI Malaysia Kelantan (UMK) melalui Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah, menganjurkan Program Kelantan – UMK di Mata Dunia bertemakan “Intercultural Learning and Community Engagement” (KUMD) –ILCOME 2013) bermula pada 12 Februari hingga 4 Mac 2013.



Program yang mendapat kerjasama Oita Prefectural College of Arts and Culture (OPCAC) dari Jepun itu membabitkan 10 pelajar Jepun berkampung di kampus selama tiga minggu di kampus UMK.

Pengarah Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah UMK, YBhg. Prof. Dr. Farok bin Zakaria, berkata, 10 pelajar dari OPCAC dan 10 pelajar UMK menyertai pelbagai aktiviti bersama termasuk mempelajari budaya penduduk tempatan.

Beliau berkata, objektif utama program ini adalah untuk mempromosi UMK dan Kelantan kepada masyarakat antarabangsa khususnya kepada orang-orang Jepun. Program ini juga bertujuan memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa pilihan pelajar-pelajar antarabangsa untuk mempelajarinya.

“Pelbagai peluang perkongsian budaya akan diperolehi melalui program ini dengan memberi peluang ke pada pelajar kursus bahasa Jepun UMK berinteraksi dan berkomunikasi dalam bahasa Jepun dengan pelajar-pelajar dari OPCAC,” katanya.

Tambah Prof. Dr. Farok, selain itu UMK juga sedang berusaha meningkatkan imej sebagai sebuah institusi pengajian tinggi awam

berteraskan keusahawan bertaraf dunia.

Justeru itu, program ini memberi peluang kepada pelajar UMK serta komuniti tempatan mengenali lebih dekat budaya dan adat resam orang-orang Jepun dan sebaliknya.

“Dalam tempoh tersebut, delegasi pelajar Jepun ini dibawa melawat pelbagai lokasi perancangan di sekitar negeri Kelantan.



FAKULTI PERUBATAN VETERINAR

Ijazah Sarjana Muda
Perubatan Veterinar Dengan Kepujian



Antaranya ialah Pantai Suri dan Pantai Teluk Rejuna dan Pantai Irama yang cukup terkenal di sekitar Pantai Timur ini,” jelasnya.

Selain itu, pelajar dibawa mengenali sejarah Kelantan dengan melawat beberapa lokasi bersejarah seperti Muzium Perang, tempat pendaratan Jepun di Pantai Sabak, kubu-kubu perang di Bachok dan Pengkalan Chepa.

Sementara itu, Prof. Dr. Farok berkata, delegasi Jepun ini turut didedahkan dengan suasana dan persekitaran sekolah di Malaysia dengan melawat Maktab Rendah Sains Mara di Tumpat dan Sekolah Menengah Sains Faris Petra.

Katanya, ini adalah untuk memartabatkan bahasa Melayu juga

merupakan objektif program ini dimana pelajar Jepun akan diajar berkomunikasi dalam bahasa Melayu sebagai pendedahan asas terhadap bahasa Kebangsaan Malaysia.

“Peluang penyelidikan juga diberi penekanan dalam program ini di mana satu kolokium akan diadakan bagi membincangkan kolaborasi dan kerjasama bidang penyelidikan antara UMK dan OPCAC termasuk pihak Kementerian Pelancongan Malaysia, negeri Kelantan,” jelasnya lagi.





Persatuan Mahasiswa Perubatan Veterinar UMK sertai Karnival Antarabangsa BioKelantan

PERSATUAN Mahasiswa Perubatan Veterinar (Vetsa) Universiti Malaysia Kelantan (UMK) turut serta menjayakan program Karnival Antarabangsa BioKelantan (Bio-K) 2013 'Mengembalikan Kegemilangan Tamadun Islam Melalui Bioteknologi' di Pusat Dagangan Kelantan (KTC), Kota Bharu, Kelantan, pada 1 hingga 2 Mac 2013.

Presiden VETSA UMK, Nur Hazliza Sulaiman, 23, Vetsa UMK menjadi sebahagian daripada 35 pemamer dalam dan luar negara termasuk dari Thailand pada karnival yang bertujuan untuk memberi pendedahan dan menyuntik semangat masyarakat menggembeng tenaga dan fikiran dalam penerokaan bidang bioteknologi.

Katanya, kumpulan pelajar yang terlibat dalam pameran tersebut terdiri daripada pelajar tahun tiga dan empat Fakulti Perubatan Veterinar (FPV) seramai 38 orang.

"Memandangkan kami tetap perlu hadir ke kelas, tugas untuk menjayakan pameran ini dibahagi-bahagikan sama ada dari sudut persediaan awal dan juga pembahagian petugas yang akan memberi penerangan kepada pengunjung pameran sepanjang karnival," ujarnya.

Jelas beliau, selain bertujuan mempromosi program fakulti, VETSA turut mengadakan simulasi pembedahan haiwan serta kaedah mengambil darah dan pemeriksaan kesihatan haiwan kepada pengunjung.

Nur Hazliza yang merupakan pelajar tahun empat FPV berkata, mereka mendapat sokongan penuh Dekan FPV UMK, Dr. Mohd. Azam Khan Goriman Khan dan para pensyarah termasuk pensyarah patologi dan anatomi Dr. Abdul Rahman Aziz.

Katanya, pameran itu juga adalah peluang untuk mereka menguar-uarkan kepada masyarakat tentang kewujudan FPV UMK sebagai fakulti kedua seumpamanya di negara ini selain di Universiti Putra Malaysia (UPM).

"Kami juga mahu mengubah persepsi masyarakat bahawa pelajar yang mengambil jurusan ini bukan sekadar akan keluar sebagai doktor 'haiwan peliharaan atau kesayangan' semata-mata tetapi lebih daripada itu kerana bidang ini turut meliputi kajian kesihatan dan perubatan binatang ternakan yang menjadi sumber makanan negara," katanya.



PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH

CITY CAMPUS Faculty of Entrepreneurship & Business

Master of Entrepreneurship (Management)
Master of Entrepreneurship (Finance)
Master of Entrepreneurship (Commerce)
Master of Entrepreneurship (Accounting)
Master of Entrepreneurship (Retail)
Master of Entrepreneurship (Tourism)
Master of Entrepreneurship (Hospitality)
Master of Entrepreneurship (Health Entrepreneurship)
*Doctor of Philosophy (For The Above Programmes)

Faculty of Veterinary Medicine

Master of Science (Pathology)
Master of Science (Nutrition)
Master of Science (Anatomy)
Master of Science (Microbiology)
Master of Science (Parasitology)
Master of Science (Physiology)

*Doctor of Philosophy (For The Above Programmes)

BACHOK CAMPUS Faculty of Creative Technology & Heritage

Master of Arts (Heritage Studies)
Master of Arts (Textile and Fashion)
Master of Arts (Product Design)
Master of Arts (Multimedia)
Master of Arts (Visual Communication)

*Doctor of Philosophy (For The Above Programmes)

Centre for Language Studies and Generic Development

Master of Arts (History and Civilization)
Master of Arts (Development and Educational Value)
Master of Arts (Psychology Industrial Organization)
Master of Arts (Religion and Contemporary)
Master of Arts (Social Work)

*Doctor of Philosophy (For The Above Programmes)

JELI CAMPUS Faculty of Agro Based Industry

Master of Science (Agro Technopreneurship)
Master of Science (Product Development Technology)
Master of Science (Bio-Industrial Technology)
Master of Science (Agricultural Biotechnology)
*Doctor of Philosophy (For The Above Programmes)

Faculty of Earth Sciences

Master of Science (Natural Resources Management)
Master of Science (Sustainable Science)
Master of Science (Geoscience)

*Doctor of Philosophy (For The Above Programmes)



Program Khidmat Komuniti Lambaian Bumi Borneo

KELAB Pembimbing Rakan Siswa (PRS), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah mengambil pendekatan kreatif dalam mendekati masyarakat merentasi Laut China Selatan dengan menjayakan Program Khidmat Komuniti Lambaian Bumi Borneo, pada 21 hingga 23 Februari 2013.



Menurut Yang Dipertua Kelab PRSUMK, Muhammad Hafizuddin bin Mohd Zin, berkata, program ini telah memberi impak positif kepada ahli PRS UMK dalam penglibatan program pengantarabangsaan dengan menjalinkan kerjasama dengan Kelab PRS Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) dan Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu.

Katanya, program yang bertemakan "Kami Generasi Hebat" ini adalah bertujuan untuk menanam semangat kemasyarakatan dalam diri mahasiswa melalui pengisian aktiviti dan modul yang telah dirancang dengan kelab PRS setiap IPTA yang terlibat.

"Melalui program juga dapat memperkenalkan nama universiti di Bumi Borneo kepada pelajar lepasan SPM, STPM dan masyarakat untuk menyambung pelajaran di UMK berdasarkan kepada pencapaian akademik mereka," katanya.

Tambah beliau, program seperti ini juga menjadi platform untuk kami mempelajari kebudayaan, pertuturan bahasa dan kehidupan sosial masyarakat di Borneo dan secara tidak langsung dapat membimbing dan mendidik diri sendiri untuk menjadi pemimpin yang berjaya.



UMK OPTIMIS LAHIR ATLET PROFESIONAL SUKAN LAWN BOWL

UNIVERSITI Malaysia Kelantan (UMK) berhasrat melahirkan lebih ramai atlet dan jurulatih profesional dalam sukan *Lawn Bowl* yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dengan terbinanya *green* dan kemudahan sukan tersebut di negeri ini dalam tempoh terdekat.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMK, YBhg. Prof Madya Abdul Aziz bin Ab Latif berkata, UMK telah memohon peruntukan kewangan daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk membina kemudahan itu bagi membantu pembangunan Sukan *Lawn Bowl* di negeri Kelantan.

Beliau berkata, UMK telah diberi tanggungjawab sebagai Pusat Sukan Tumpuan Sukan *Lawn Bowl* (PST-*Lawn Bowl*) dan kami berhasrat untuk mengorak langkah ke depan untuk menghasilkan generasi "*The Thinking Athletes*" terutamanya dari Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

"Menerusi kepercayaan pembinaan padang dan hasrat murni UMK terutamanya Kementerian Persekutuan *Lawn Bowls*

sebagai status PST-*Lawn Bowl*, kemudahan ini dapat merealisasikan dengan sokongan pelbagai pihak Pengajian Tinggi (KPT) dan *Malaysia* (PLBM)," katanya.

Beliau berkata demikian Kejurulatihan *Lawn Bowl* Kokurikulum UMK dengan Kompleks Sukan Tertutup *Lawn Bowls* Bayuemas, Klang, Selangor, pada 28 Februari hingga 3 Mac 2013.



Bachok Bakal Jadi Hab Pendidikan Kecemerlangan Ilmu

BACHOK 10 Mac – Timbalan Menteri Kewangan, YBhg. Senator Dato' Dr. Awang Adek bin Hussain, komited untuk menjadikan Bachok sebagai sebuah pusat kecemerlangan ilmu yang akan memacu dan merencanakan lagi pembangunan untuk memberi faedah serta manfaat kepada masyarakat setempat.

Beliau berkata, sejajar dengan itu penubuhan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) adalah salah satu daripada usaha serius kerajaan untuk melihat Bachok terus berkembang sebagai pusat kecemerlangan pendidikan pengajian tinggi di negeri ini.

Katanya, selain itu, rancangan pembinaan cawangan Universiti Teknologi Mara (UiTM), Kampus Bachok, dalam teraph terdekat terus membuktikan bahawa kerajaan komited ke arah mencapai hasrat tersebut.

"Sebagai pemimpin Bachok, saya merasakan UMK ini juga menjadi sebahagian milik masyarakat Bachok. Oleh demikian, hubungan UMK dengan masyarakat Bachok bukan sahaja perlu dipupuk tetapi menjadi tanggungjawab bersama untuk membina kejaya demi kejayaan," jelasnya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam Program Malam Mesra UMK anjuran Program Pembangunan Ekonomi Komuniti Bachok (PROSPEK), Universiti Malaysia Kelantan, bertempat di UMK Kampus Bachok, pada 10 Mac 2013.

Hadir sama, Ahli Lembaga Pengarah Universiti, Y.Bhg. Dato' Seri Setia Raja Dato' Haji Aiseri bin Alias, Naib Canselor UMK, YBhg. Prof. Datuk Dr.

Raduan bin Hj. Che Rose, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), YBhg. Prof. Dr. Roselina binti Ahmad Saufi, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), YBhg. Prof. Madya Abdul Aziz bin Abd. Latif dan Pendaftar UMK, YBhg. Prof. Dr. Razli bin Che Razak.

Menurut Dato' Dr. Awang Adek, pembangunan UMK perlu seiring dengan pembangunan masyarakat setempat demi manfaat yang lebih besar.

"Saya akan terus komited membangunkan komuniti setempat di sekitar kawasan Parlimen Bachok menerusi pelbagai aktiviti pembangunan yang akan membawa perubahan di Bachok seterusnya akan menyumbang kepada pendidikan khususnya di peringkat pengajian tinggi," katanya.

Dalam pada itu, Dato' Dr. Awang Adek mengucapkan tahniah diatas komitmen dan kesungguhan Naib Canselor UMK, Prof. Datuk Dr. Raduan yang agresif dan berfikir ke hadapan menjadikan kampus ini lebih ceria, indah dan berkualiti disamping mengubah pembangunan kawasan di daerah Bachok.

"Saya lihat banyak perubahan terutamanya dengan ada ladang rusa, *Ostrich* dan banyak pokok telah ditanam dapat mengubah keadaan kampus dengan lebih baik yang sebelum ini kering-kontang ibarat seperti padang pasir," ujarnya.

Sementara itu, menurut Ketua Unit Jaringan Industri dan Komuniti, Pejabat Penolong Naib Canselor UMK, En. Zuraimi bin Abdul Aziz, pelaksanaan PROSPEK yang dinaungi oleh Timbalan Menteri Kewangan, YB. Senator Datuk Dr. Awang Adek bin Hussain, adalah bertujuan untuk memantapkan lagi hubungan kerjasama universiti dengan pihak komuniti.

Beliau berkata, program ini bukan sahaja bukan sahaja memberi faedah kepada penduduk di daerah Bachok malah ia akan memberi impak yang positif kepada imej UMK sebagai sebuah universiti awam di negeri Kelantan.

Jelas beliau, menerusi PROSPEK pelbagai program yang dilaksanakan akan memberi impak besar kepada pembangunan aspek ekonomi dan sosial penduduk di sekitar Bachok selari dengan hasrat UMK



"Saya akan terus komited membangunkan komuniti setempat di sekitar kawasan Parlimen Bachok menerusi pelbagai aktiviti pembangunan yang akan membawa perubahan di Bachok seterusnya akan menyumbang kepada pendidikan khususnya di peringkat pengajian tinggi"

untuk menjadi agen perubahan dengan memainkan peranan untuk membentuk masyarakat ke arah bercirikan keusahawanan.

"Menerusi pelaksanaan ini juga mampu melonjak nama UMK di negeri Kelantan khususnya dan Malaysia amnya selari dengan Teras Strategik Pembangunan UMK yang ke-lima iaitu menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat dan industri," katanya.

Pada Program Malam Mesra UMK itu turut diadakan solat hajat dan kutipan derma tabung bantuan kebajikan untuk anggota keselamatan yang mempertahankan negara daripada ancaman penganas Sulu di Lahad Datu, Sabah dilindungi Allah SWT.



MTE 2013 : UMK menang empat perak dan dua gangsa

UNIVERSITI Malaysia Kelantan (UMK) melakar sejarah cemerlang dengan meraih empat pingat perak dan dua gangsa pada Ekspo Teknologi Malaysia (MTE) 2013 yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur, pada 21 hingga 23 Februari 2013.

Pencapaian pingat perak ini adalah menerusi produk penyelidikan *CATED: Application of Logistic Regression Modeling for Cataract Early Detection Using Web Based System, Eco Friendly Machines For Enhancing Durability And Colour Appearance of Wood, SIAPA: Tracking and Monitoring Key Performance Indicators of PBT By ADUN Based on WEB Technology dan Databased Discipline.*

Manakala pingat gangsa diperolehi menerusi *Cassava Composite Lumber dan Hm Breeding Chamber.*

Pengarah Hal Ehwal Korporat UMK, YBhg. Prof. Dr. Nik Maheran binti Nik Muhammad, berkata, kejayaan itu adalah hasil daripada penyertaan sulung penyelidik UMK untuk bersaing dengan beberapa institusi pendidikan tinggi dan organisasi yang terlibat dalam MTE 2013.

Beliau berkata, usaha kumpulan penyelidik UMK untuk menghasilkan seberapa banyak penyelidikan dan pembangunan (R&D) terkini yang boleh memberi manfaat kepada sejagat, khususnya kepada masyarakat dan negara.

"Pihak universiti berharap produk kajian oleh penyelidik UMK mampu menyaingi produk penyelidikan lain pada ekspo yang merupakan pameran terbesar dalam bidang sains dan teknologi di Malaysia," katanya.

Menurut Prof. Dr. Nik Maheran, selain itu kemenangan ini juga pembuka tirai pencapaian universiti pada tahun dan ekspo MTE 2013 akan menjadi medium terbaik untuk penerokaan kreativiti, pemadanan perniagaan serta pengkomersilan produk-produk penyelidikan dan inovasi di pasaran tempatan dan juga global.

Sementara itu, Dekan Fakulti Sains Bumi (FSB), YBhg. Prof. Dr. Razak Bin Wahab berkata, pencapaian memenangi pingat perak oleh kumpulan penyelidiknya itu dijadikan sebagai motivasi untuk peneroka-peneroka muda bagi menghasilkan produk yang lebih kreatif dan inovasi pada pertandingan seterusnya.

Beliau berkata, pertandingan seperti ini juga memberikan pengalaman kepada peneroka muda sebagai motivasi untuk lebih berani merekapi produk untuk memberi manfaat kepada masyarakat.

"Pencapaian anak didiknya ini akan membuka mata peneroka muda untuk menyertai pertandingan ini dan tidak merasa takut untuk bersaing kerana adak pertandingan ada yang menang dan kalah," katanya.

Tambah beliau, pertandingan ini juga dapat memberi pengalaman dan memperbaiki kelemahan serta kekurangan pada produk yang dihasilkan sebelum menyertai satu lagi pertandingan di peringkat antarabangsa di Seoul, Korea Selatan, pada Disember ini.



UMK jadi Universiti awam pertama menganggotai GCEE



UNIVERSITI Malaysia Kelantan (UMK) merupakan universiti awam pertama menyertai *The Global Consortium Entrepreneurship Educators Group* atau GCEE yang berpangkalan di Amerika Syarikat (AS) dalam usaha universiti itu memainkan peranan lebih besar memacu pembangunan pendidikan keusahawanan di negara ini.

Naib Canselor UMK, YBhg. Prof. Datuk Dr. Raduan bin Hj. Che Rose berkata, selari dengan kerjasama UMK dengan GCEE yang dihoskan oleh Babson College iaitu sebuah institusi keusahawanan nombor satu di AS itu menjadikan UMK satu-satunya universiti awam di negara ini yang telah menganggotai konsortium itu.

Beliau berkata, kerjasama ini memberi banyak manfaat kepada universiti terutamanya untuk mendapatkan kemudahan dan peluang akses kepada modul-modul akademik keusahawanan yang diperkenalkan di Babson College.

"Selain itu, kita juga dapat menjalinkan kerjasama dengan institusi-institusi lain yang bernaung dibawah GCEE terutamanya berkongsi pengalaman dan menggunakan kepakaran daripada professor-profesor mereka," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Kunjungan Hormat Duta Amerika Syarikat ke Malaysia, Datuk Paul W. Jones bersama rombongannya ke UMK Kampus Kota, di Pengkalan Chepa, Kota Bharu, pada 19 Februari 2013.

Kehadiran julung kali beliau ke universiti ini disambut oleh Naib Canselor dan pengurusan kanan Universiti dan disusuli dengan sesi dialog Majlis Perwakilan Pelajar UMK bersama pegawai tertinggi kedutaan AS di Malaysia.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), YBhg. Prof. Dr. Roselina binti Ahmad Saufi; Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), YBhg. Prof. Madya Abdul Aziz bin Ab. Latif dan Penasihat Undang-Undang UMK, YBhg. Prof. Datuk Abdul Halim bin Sidek.

Menurut Prof. Datuk Dr. Raduan, sebagai sebuah universiti, pihaknya sentiasa berusaha mencari peluang untuk bekerjasama dengan universiti lain terutama dari luar negara.

Jelas beliau, pada kunjungan hormat itu pihak kedutaan AS juga telah memberi jaminan untuk memastikan permohonan visa pelajar dan pensyarah UMK untuk melawat ke AS tidak menghadapi masalah.



Sementara itu, Datuk Paul dalam ucapan ringkasnya berkata sehingga kini terdapat kira-kira 6,000 hingga 7,000 pelajar Malaysia yang menyambung pelajaran mereka ke AS dan namun mereka kebanyakannya tertumpu kepada universiti tertentu biarpun negara itu mempunyai banyak lagi pilihan tempat pengajian.

Jelasnya, universiti di AS amat berminat menjalinkan rangkaian dengan universiti di Asia terutama negara seperti Malaysia yang giat membangunkan pendidikan institusi pengajian tinggi.



UNIVERSITI Malaysia Kelantan (UMK) meletakkan sasaran mencapai status *Accelerated Programme for Excellent (Apex)* dalam bidang penyelidikan keusahawanan untuk tempoh terdekat ini dengan mengambil pendekatan menganggotai jawatankuasa *The Global Consortium for Entrepreneurship Education (GCEE)*.

Naib Canselor UMK, YBhg. Prof. Datuk Dr. Raduan Bin Haji Che Rose berkata, UMK komited ke arah menuju Universiti Apex dengan menyertai keanggotaan GCEE yang ditubuhkan oleh Babson College, yang berpangkalan di Amerika Syarikat.

Beliau berkata, sehingga kini, UMK merupakan satu-satunya Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) pertama di negara ini dipilih menjadi anggota GCEE.

"Justeru itu, pihak UMK, Ketua Pegawai Eksekutif Babson College, Shahid Ansari, telah menandatangani persetujuan itu ketika lawatan kerja delegasi UMK ke Babson College, Amerika Syarikat, pada 3 April 2013.

Hadir sama, Ahli Lembaga Pengurusan Universiti, YBhg. Dato' Mahamed bin Hussain, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), YBhg. Prof. Dr. Roselina binti Ahmad Saufi dan Pengarah Pusat Hal Ehwal Korporat, YBhg. Prof. Dr. Nik Maheran binti Nik Muhammad.

Turut hadir, wakil daripada Babson College iaitu Profesor of Management, Babson College, Farhoud Kafi, Assistant to the Provost Global Activities, Thomas J. Simon dan Program Coordinator GCEE, Michell Hacklet.

Prof. Datuk Dr. Raduan berkata, menerusi keanggotaan itu membolehkan UMK memperoleh pelbagai kelebihan serta kemudahan dalam bidang keusahawanan akademik.



CHIEF LIBRARIAN TALK SERIES

Sustainability of Academic Libraries (Kelestarian Perpustakaan Akademik)

DALAM usaha menyediakan platform perbincangan mengenai pembangunan dan cabaran Perpustakaan Akademik, Universiti Malaysia Kelantan (UMK), melalui Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu telah mengadakan "*Program Chief Librarian Talk Series*", (CLTS) 2013, bertemakan Sustainability of Academic Libraries (Kelestarian Perpustakaan Akademik).

Program tersebut telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), YBhg. Prof. Madya Abdul Aziz bin Abd. Latif, yang diadakan di sebuah resort di Tok Bali, Pasir Puteh, Kelantan, pada 4 Mac 2013.

Menurut Pengarah Program, YBrs. En. Hairuladzhar bin Mohd Hamdi, berkata, penganjuran persidangan tersebut bertujuan untuk menyediakan platform terbaik kepada semua Ketua Pustakawan sama ada IPTA atau IPTS untuk berkongsi ilmu pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki bersama generasi baru yang terlibat secara langsung serta tidak langsung dalam pengurusan perpustakaan.

Beliau berkata, selain perbincangan mengenai cabaran dunia perpustakaan pada masa kini, persidangan ini juga akan memberi fokus kepada elemen penting di dalam memastikan kelestarian perpustakaan akademik iaitu dengan membuat jaringan kerjasama dengan organisasi luar.

"Pihak kami berharap, program CLTS 2013 yang bertemakan Kelestarian Perpustakaan Akademik dapat memberikan manfaat kepada peserta dengan input-input yang bersangkut-paut dengan isu, peluang dan cabaran yang telah dan bakal dihadapi oleh perpustakaan akademik untuk terus berdaya saing," katanya pada perasmian Program Chief Librarian Talk Series (CLTS).

Program CLTS 2013 kali ini memabitkan dua penceramah utama iaitu Ketua pustakawan UPM selaku Pengerusi PERPUN, En Amir Hussain bin Md Isahak dan Ketua Pustakawan UMK, En Azman bin Hashim.



Program SME @ University Programme Participants in 2012 sasar lahir CEO PKS Bertaraf Dunia

KUALA LUMPUR - Seramai 20 orang peserta yang terdiri di kalangan usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di bawah bimbingan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah tamat pengajian mengikuti kursus SME @ University Programme Participants in 2012, di sebuah hotel di sini pada 28 Feb 2013.



usahawan perintis yang mengikuti pengajian selama tiga bulan bermula bulan November 2011 yang turut memabitkan empat universiti lain, iaitu SME@UITM, SME@UPM dan SME@UIAM.

"Peserta SME@UMK yang mengikuti program pembelajaran ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kecekapan di samping meningkatkan pengetahuan dan kemahiran sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) PKS di Malaysia," katanya selepas Majlis Graduasi PKS@University Programme yang dirasmikan oleh Pengerusi SME Corp. Malaysia, YBhg. Datuk Ir. Dr. Mohamed Al Amin bin Hj. Abdul Majid.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp, YBhg. Dato' Hafsa binti Hashim, Ketua Eksekutif Perbadanan Sumber Manusia Berhad (PSMB), YBrs. En. Amimuddin bin Mazlan dan Pengarah Urusan Mydin Mohamed Holding, YBhg. Datuk Wira Dr. Hj. Ameer Ali bin Mydin.

Sementara itu, Datuk Ir. Dr. Mohamed Al Amin berkata, pelaksanaan program SME @ University Programme Participants in 2012 adalah sejajar dengan aspirasi Kerajaan untuk menerajui negara ke arah menjadi sebuah ekonomi berpendapatan tinggi di bawah Pelan Transformasi Ekonomi (ETP).

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), YBhg. Prof. Madya Abdul Aziz bin Ab. Latif, berkata, program ini adalah lanjutan daripada program yang dilancarkan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, YB. Dato' Sri Mustapa bin Mohamed dan Menteri Pengajian Tinggi, YB. Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, pada bulan Jun 2011.

Beliau berkata, kejayaan 20 orang peserta usahawan PKS di bawah SME@UMK merupakan





RUMINANT INDUSTRY

Buku ini membentangkan prinsip-prinsip asas akuakultur amalan membentuk praktikal bagaimana-untuk perspektif untuk orang-orang yang berusaha untuk memahami industri akuakultur.
Penulis: Md Ruhul Amin




Phd: Mengejar Sebuah Harapan

Buku ini ditulis berdasarkan pengalaman penulis sepanjang pahit dan manis belajar PhD sains sosial di luar negara dan pengalaman selepas mendapat PhD apabila kita mula berkhidmat sebagai pensyarah di institusi pengajian tinggi. Buku ini akan membuka minda anda dan membantu anda membuat keputusan yang tepat untuk merealisasikan impian dalam kehidupan anda.
Penulis: Mohd Rafi Yaacob, PHD
Asyraf Hj. Abdul Rahman, PHD



USAHAWAN DAN KEUSAHAWANAN KITAR SEMULA: DI KELANTAN DAN TERENGGANU

Buku ini ditulis berdasarkan kajian yang melibatkan usahawan mikro, perusahaan kecil dan sederhana yang terlibat dalam kitar semula keusahawanan. Buku ini adalah untuk memberikan maklumat mengenai profil usahawan, penglibatan usahawan dalam perniagaan kitar semula.
Penulis: Mohd Rafi Yaacob



MEMULA DAN MENGURUS PERNIAGAAN: SYARIKAT MIKRO, KECIL DAN SEDERHANA

Buku ini adalah panduan untuk mereka yang merancang untuk menjadikan keusahawanan sebagai kehidupan kerjaya. Buku ini mengandungi satu siri menggariskan langkah-langkah asas yang perlu diambil dalam penyediaan diperolehi sebagai seorang usahawan.
Penulis: Mohd Nor Hakim Yusoff
Mohd Rafi Yaacob



BAHASA MANDARIN (I) (II)

Buku ini adalah sangat disyorkan untuk mereka yang ingin memulakan pembelajaran bahasa Mandarin dari asas dibahagikan kepada 2 siri.
Penulis: Lee Hui Ling, Chin Siao Mei, Julia Tan Yin Yin, Liat Soo Yin, Hassan Muhammad Malihu



Al-Taysir fi al-lughah al-Arabiyyah al-Ittisaliyyah (1) (2) (3)

Buku ini mempunyai tiga peringkat, iaitu 1.2.3. Ia dilengkapi dengan sistem terjemahan untuk pemahaman pelajar-pelajar bukan Islam mendaftar subjek. Kaedah-kaedah yang dibentangkan dalam buku ini dapat membantu pelajar dalam memahami bahasa Arab dengan lebih mudah.
Penulis: Ahmed Thalal Hassan, Ahmed Zaki Amiruddin, Hasannuddiin Hassan, Nur Abdul Rahman